



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 24 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	ROGOL STATUTORI: LFL DESAK PM DAN MENTERI WANITA MASUK CAMPUR		NEUTRAL
	https://www.malaysiakini.com/news/755997	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/755989	MALAYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	RESILIENT ASIA 2025, PERKUKUH PERANAN SERANTAU DALAM PENGURUSAN BENCANA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/resilient-asia-2025,-perkukuh-peranan-serantau-dalam-pengurusan-bencana	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1449464/kerajaan-letak-komitmen-tinggi-dalam-kesiapsiagaan-hadapi-bencana	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sukarelawan-muda-pelapis-urus-bencana,-perluas-bantuan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1267219/malaysia-komited-perkukuh-kesiapsiagaan-bencana-bersama-asean	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MENIDAKKAN HAK KANAK-KANAK UNTUK DILINDUNGI		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/749131/berita/nasional/menidakkan-hak-kanak-kanak-untuk-dilindungi	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MTL: WUJUDKAN RUMAH TRANSIT BENCANA DI KUALA LUMPUR		POSITIF

<https://www.sinarharian.com.my/article/749244/edisi/selangor-kl/mtl-wujudkan-rumah-transit-bencana-di-kuala-lumpur>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BANTUAN, PAMPASAN INSURANS UNTUK KELUARGA MANGSA TANAH RUNTUH		POSITIF

<https://sabahmedia.com/2025/09/23/bantuan-pampasan-insurans-untuk-keluarga-mangsa-tanah-runtu/>

SABAHMEDIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	INKUES: SAKSI KANAK-KANAK KEDUA SAHKAN ZARA QAIRINA DIPANGGIL SENIOR DAN MENANGIS		NEUTRAL

<https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1267297/inkues-saksi-kanak-kanak-kedua-sahkan-zara-qairina-dipanggil-senior-dan>

HMETRO.COM.MY

<https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/pelajar-a-selesai-beri-keterangan-saksi-kanak-kanak-kedua-dipanggil/>

UTUSAN.COM.MY

<https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2470526>

BERNAMA.COM

<https://www.sinarharian.com.my/article/749241/berita/semasa/inkues-zara-qairina-saksi-kanak-kanak-kedua-beri-keterangan>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KANAK-KANAK 9 TAHUN DIKHUATIRI LEMAS KETIKA MANDI SUNGAI DI PAPAR		NEGATIF

<https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-9-tahun-dikhuatiri-lemas-ketika-mandi-sungai-di-papar/>

BULETINTV3.MY

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1267359/murid-tahun-3-dikhuatiri-lemas-ketika-mandi-sungai>

HMETRO.COM.MY

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1449663/budak-9-tahun-dikhuatiri-lemas-ketika-mandi-sungai-bersama-rakan>

BHARIAN.COM.MY

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	SEMALAM DITUDUH CEDERAKAN ANAK KEKASIH, HARI INI DIDAKWA AMANG SEKSUAL MANGSA SAMA		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1449494/se-malam-dituduh-cederakan-anak-kekasih-hari-ini-didakwa-amang-seksual	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1267207/selep-as-kes-cedera-duda-dituduh-cabul-anak-kekasih-pula	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/selepas-kes-cedera-lelaki-dituduh-cabul-anak-kekasih/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/23/duda-dituduh-cabul-anak-kekasih-berusia-6-tahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=S_7CXMaw7RY	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	GURU PRAKTIKAL DIDAKWA AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK DI BILIK ASRAMA		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/guru-praktikal-didakwa-amang-seksual-kanak-kanak-di-bilik-asrama/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/749167/berita/semasa/bekas-guru-praktikal-didakwa-amang-seksual-pelajar-lelaki-dalam-asrama	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/23/bekas-guru-praktikal-mengaku-tak-salah-amang-seksual-pelajar	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/23/guru-praktikal-didakwa-usik-pelajar-lelaki-di-bilik-asrama/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PENGAWAL KESELAMATAN DIDAKWA CABUL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1267120/pengawal-keselamatan-didakwa-cabul-anak-tiri	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	MAYAT WANITA DITEMUI DALAM KENDERAAN TERKUNCI DI SETAPAK		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-ditemui-dalam-kenderaan-terkunci-di-setapak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1449516/mayat-wanita-ditemui-dalam-kenderaan-terkunci-di-setapak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1267221/mayat-ditemukan-dalam-pacuan-empat-roda-di-setapak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/23/mayat-ditemui-dalam-kereta-di-setapak/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/23/foul-smell-leads-to-discovery-of-dead-woman-inside-4wd-parked-at-kl-business-square	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rogol statutori: LFL desak PM dan menteri wanita masuk campur

Diterbitkan: Sep 23, 2025 10:00 PM • Dikemaskini: 10:00 PM

Perdana Menteri Anwar Ibrahim mahupun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri perlu campur tangan bagi menghentikan sebarang usaha untuk menghukum gadis bawah umur dalam kes rogol statutori, kata Lawyers for Liberty (LFL).

Pengasas bersamanya, Latheefa Koya turut menggesa seluruh jemaah menteri untuk memberi tindak balas berhubung isu tersebut, sambil mengecam reaksi Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution Ismail terhadap kenyataan Ketua Polis Kelantan Mohd Yusoff Mamat.

Bagi Latheefa, kenyataan itu adalah "mengejutkan" dan "bersifat mempertahankan" Yusoff.

Terdahulu hari ini, Saifuddin menyifatkan kenyataan Yusoff yang mencadangkan gadis bawah umur didakwa dalam kes rogol statutori hanyalah "**pendapat peribadi**".

"Itu pendapat beliau... belum sampai masanya untuk saya bagi komen apa-apa... Mohd Yusoff bagi pandangan berasaskan kepada angka-angka yang berlaku di Kelantan," kata Saifuddin.

Pada Ahad lalu, Yusoff mencadangkan agar gadis bawah umur dalam kes rogol statutori **turut didakwa** bersama lelaki dewasa yang menjadi pelaku.

Dia berhujah agar cadangannya dipertimbangkan dengan menyatakan hampir 90 peratus kes rogol statutori berlaku secara suka sama suka berdasarkan hasil siasatan.

Latheefa berkata adalah mengarut untuk menyifatkan cadangan itu hanyalah pandangan peribadi.

"Yusoff sendiri berkata dia akan membawa perkara itu ke Jabatan Peguam Negara dan jabatan agama Islam Kelantan. Justeru, ia bukan sekadar pendapat peribadi. Dia sedang berusaha ke arah pelaksanaannya melalui perbincangan antara jabatan.

"Saifuddin sepatutnya mendapatkan fakta yang betul, bukannya tergesa-gesa membuat alasan bagi niat keterlaluan pihak polis untuk mendakwa gadis bawah umur.

"Apa yang amat mengejutkan ialah tindak balas defensif menteri...Dia gagal memahami atau mengakui betapa seriusnya isu ini, yang jelas mengejutkan semua rakyat Malaysia yang waras," kata bekas ketua pesuruhjaya SPRM itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Resilient Asia 2025, Perkukuh Peranan Serantau dalam Pengurusan Bencana

Nasional – Dicipta: 23 September 2025 05:19 PM



KUALA LUMPUR, 23 September – Pameran dan Forum Resilient Asia 2025 yang julung kali diadakan di Malaysia merupakan langkah proaktif dalam memperkukuh sistem pengurusan bencana negara selaras dengan komitmen meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat di peringkat tempatan, serantau dan global.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, ia turut menekankan peranan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemuat utama dalam pengurusan bencana moden, selain menggalakkan pendekatan Kerjasama Awam-Swasta (PPP) melalui forum, bengkel dan sesi perkongsian ilmu.

"Inisiatif ini sangat penting kerana bukan sahaja melibatkan kerajaan, tetapi turut membabitkan sektor swasta, komuniti dan rakan antarabangsa. Setiap langkah yang diambil diharap dapat memberi manfaat berpanjangan kepada rakyat dan negara," jelasnya.

Beliau berkata demikian dalam uaputama pada majlis pelancaran Pameran dan Forum Resilient Asia 2025 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di ibu negara.

Datuk Seri Dr Noraini hadir mewakili Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada majlis itu.

Penganjuran itu juga signifikan dan bertepatan dengan Sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2025, yang juga menandakan ulang tahun ke-10 pelaksanaannya di Malaysia.

"Program ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada agensi pengurusan bencana, malah turut mengangkat nama Malaysia di persada antarabangsa sebagai peneraju dalam bidang pengurangan risiko bencana dan kesiapsiagaan komuniti.

"Ia sekali gus membuktikan komitmen negara memperkukuh daya tahan masyarakat melalui perkongsian pengalaman, inovasi serta amalan terbaik di peringkat tempatan, serantau dan global," katanya.

Bertemakan 'AI For Future-Proofing Disaster Management Towards Stronger Communities', pameran selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Oktober depan itu akan menghimpunkan delegasi antarabangsa dari Amerika Syarikat, Jepun, China, Australia, Belanda, United Kingdom, Korea Selatan, Turkiye dan Qatar.

Ia termasuk pelbagai pemegang taruh daripada kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan tinggi, badan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti akar umbi.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku penganjur utama diberi mandat besar untuk memastikan program itu menjadi platform strategik, bukan sahaja bagi mengukuhkan kesiapsiagaan nasional tetapi juga dalam merealisasikan komitmen Malaysia sebagai peneraju ASEAN 2025.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Menidakkan hak kanak-kanak untuk dilindungi

PREMIUM



NORAFIDAH ASSAN

Follow

23 September 2025 10:00am



Farah Nini berpandangan cadangan menukar status mangsa rogol bawah umur kepada pesalah tidak wajar dipertimbangkan.

SHAH ALAM - Tindakan menukar status mangsa kes rogol bawah umur kepada pesalah disifatkan sebagai langkah terbelakang dan menidakkan hak kanak-kanak untuk dilindungi.

Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Dr Farah Nini Dusuki berkata, cadangan berkenaan sama sekali tidak wajar dipertimbangkan.

"Ada sebab mengapa undang-undang memberi perlindungan khusus kepada perempuan bawah 16 tahun.

"Golongan bawah umur lazimnya tidak matang untuk berfikir kesan dan akibat sesuatu perbuatan. Jika undang-undang dipinda seperti dicadangkan, mangsa akan menutup kejadian kerana takut dikenakan tindakan," katanya.

Sebelum ini, Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat mencadangkan satu perbincangan diadakan mengenai isu kes rogol 'suka sama suka' supaya tindakan diambil kepada kedua-dua pasangan terbabit dan bukan hanya terhadap pihak lelaki.

Sementara itu, ditanya sama adakah cadangan berkenaan tidak menyalahi Akta Kanak-Kanak, Farah Nini menjelaskan peruntukan yang dikatakan itu bukan di bawah Akta Kanak-Kanak tetapi di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang terpakai ke atas semua orang berusia 10 tahun ke atas di Malaysia.

"Sistem pengadilan jenayah bukan penyelesaian terhadap hubungan seksual luar nikah sesama remaja.

"Pendekatan holistik seperti pendidikan seksualiti dan hak kanak-kanak mesti diterapkan dengan lebih berkesan agar kanak-kanak faham batasan hubungan serta natijah kepada hubungan seksual," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MTL: Wujudkan rumah transit bencana di Kuala Lumpur



NOOR AINON MOHAMED

Follow

23 September 2025 08:01pm



Dr Zaliha memimpin Majlis Menteri Wilayah di Menara DBKL 1 di Kuala Lumpur pada Selasa. Foto FB Dr Zaliha Mustafa

SHAH ALAM – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diminta untuk mewujudkan rumah transit bencana sebagai persediaan awal menghadapi Monsun Timur Laut (MTL).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa berkata, persiapan itu penting susulan kejadian ribut yang menjejaskan kediaman penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka, Lembah Pantai.

"Mesyuarat turut membincangkan tentang kesiapsiagaan ibu kota menghadapi Monsun Timur Laut seperti yang berlaku semalam di PPR Seri Cempaka.

"Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju agar JKJ dan DBKL mewujudkan rumah transit bencana di Kuala Lumpur sebagai persediaan awal," katanya dalam kenyataan di Facebook selepas mempengerusikan Majlis Menteri Wilayah di Menara DBKL 1, Kuala Lumpur, pada Selasa.

Media sebelum ini melaporkan ribut yang melanda ibu negara pada petang Isnin menyebabkan bumbung sebuah blok PPR Seri Cempaka rosak teruk hingga menjejaskan beberapa unit rumah serta 30 kenderaan.

Selain itu, beliau berkata, ribut turut menyebabkan beberapa kejadian bencana di kawasan berhampiran termasuk kebakaran kecil di Dewan Gasing Indah yang berjaya dipadamkan bomba, serta insiden pokok tumbang di Jalan Pantai Murni dan Taman Lucky Garden.

Dalam perkembangan lain, Dr Zaliha berkata, pembangunan semula Pasar Datuk Keramat dan Flat Seri Perlis perlu dituntaskan segera.

"Memandangkan keadaan daifnya yang tidak lagi sesuai untuk digunakan.

"Dalam mesyuarat yang sama, DBKL telah membentangkan hala tuju dan cadangan pembangunan semula tersebut kepada mesyuarat," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bantuan, pampasan insurans untuk keluarga mangsa tanah runtuh

By editor02 September 23, 2025



KOTA KINABALU : Kerajaan Negeri Sabah memberi jaminan semua keluarga 13 mangsa yang maut dalam kejadian tanah runtuh di Papar, Penampang dan Kota Kinabalu minggu lalu akan menerima bantuan khas dan pampasan insurans.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, perbincangan telah dibuat bersama Kementerian Kewangan negeri bagi memastikan pampasan insurans kemalangan kerajaan negeri turut disalurkan kepada keluarga mangsa.

"Ya, saya sudah bincang dengan Kementerian Kewangan untuk memberi mereka bantuan daripada insurans untuk kematian. Jadi saya mahu tahu nanti sama ada mereka layak dapat atau tidak.

"Tapi di pihak kerajaan, kita bagi bantuan juga daripada Yayasan Kebajikan Negeri Sabah, RM10,000 satu keluarga yang meninggal itu. Dan daripada kerajaan negeri pun ada RM10,000. Daripada insurans ini, nanti saya akan pastikan betul-betul sama ada mereka masuk dalam kategori layak atau tidak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Kedai Jujur di Sekolah Kebangsaan (SK) Mutiara, di sini, pada Selasa.

Hajiji berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terkini mengenai bantuan kepada keluarga mangsa tragedi berkenaan.

Kerajaan negeri sebelum ini memperkenalkan Skim Insurans Berkelompok, iaitu skim insurans kemalangan percuma yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 serta faedah khairat kematian sebanyak RM500 kepada semua rakyat Sabah berusia satu bulan hingga 80 tahun. Skim ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2025 hingga 30 April 2028.

Katanya, inisiatif tersebut bertujuan menjaga kebajikan rakyat serta membantu meringankan beban kewangan, khususnya golongan B40, ketika berdepan musibah tidak diduga. – **SABAH MEDIA / FOTO JAPEN SABAH**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Inkues: Saksi kanak-kanak kedua sahkan Zara Qairina dipanggil senior dan menangis

Olivia Miwil
olivia@nisl.com.my



PASUKAN peguam mewakili Noraidah Latamat dilihat keluar selepas tamat hari kesembilan prosiding inkues kematian Zara Qairina Mahathir di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu. FOTO Mohd Adam Arinin.

Kota Kinabalu: Peguam keluarga Zara Qairina Mahathir mengesahkan beberapa pakar tulisan tangan akan hadir ke Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, di sini, esok.

Shahlan Jufri berkata, pakar tulisan tangan bebas sudah selesai menjalankan analisis mereka.

"(Peguam kami) Mohd Syarulnizam Mohd Salleh akan memberi taklimat kepada media pagi esok," katanya kepada New Straits Times.

Minggu lalu, Shahlan memaklumkan pakar itu ditugaskan untuk mengesahkan ketulenan bahan bertulis, termasuk buku nota, dokumen peribadi dan diari, sebagai sebahagian daripada inkues yang sedang berlangsung berhubung kematian remaja perempuan berusia 13 tahun itu.

Pengesahan ini penting untuk memastikan sebarang analisis psikologi terhadap tulisan Zara Qairina adalah berdasarkan dokumen yang sah.

Dalam hari ketiga inkues, seorang pemeriksa dokumen, Nurul Atiqah saksi dari Jabatan Kimia di Petaling Jaya dipanggil.

Beliau sudah memeriksa 21 bahan bukti termasuk helaian kertas yang koyak, buku dan buku teks serta buku latihan sekolah.

Saksi itu memberitahu mahkamah bahawa tulisan tangan yang diragui dalam bahan itu adalah serupa dengan yang terdapat dalam dua buku teks sekolah dan sebuah buku latihan milik Zara Qairina.

Namun begitu, salah satu buku yang dikenali sebagai W3, ditulis oleh Zara bersama seorang lagi rakan.

Muka surat pertamanya mengandungi nama serta tulisan kedua-duanya, menunjukkan buku itu dimiliki bersama.

Mengulas hari ke-12 inkues hari ini, Shahlan berkata saksi kanak-kanak kedua sudah dipanggil untuk memberi keterangan di hadapan koroner Amir Shah Amir Hassan.

Beliau berkata, saksi ke-10 dalam prosiding selama 17 hari itu memberitahu mahkamah bahawa Zara Qairin memang dipanggil oleh pelajar senior dan dilihat menangis di asrama selepas itu.

Pelajar itu dijangka menyambung keterangannya esok.

Sementara itu, peguam Datuk Ram Singh, yang mewakili salah seorang pelaku kanak-kanak yang berkaitan dengan kes Zara, berkata anak guamnya, iaitu saksi kanak-kanak pertama, sudah dibebaskan sekitar jam 3.30 petang selepas memberi keterangan selama dua hari.

Zara Qairina ditemui tidak sedarkan diri pada 16 Julai di sekolahnya, SMKA Tun Datu Mustapha, dan disahkan meninggal dunia pada keesokan harinya di Hospital Queen Elizabeth (HQE).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak 9 tahun dikhuatiri lemas ketika mandi sungai di Papar

🕒 23 September 2025, 9:42pm



Oleh: Juwan Riduan

PAPAR: Seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun dikhuatiri lemas di sungai Kampung Benoni, di sini, petang tadi.

Mangsa dilaporkan hilang selepas dipercayai mandi bersama rakan di sungai berkenaan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Papar, Penolong Penguasa Bomba Rozlan Osman berkata, sepasukan anggota digerakkan ke lokasi sebaik menerima panggilan jam 7.20 malam untuk operasi mencari dan menyelamatkan (SAR).

"Setakat ini mangsa belum ditemui dan usaha mencari masih dilakukan di sekitar lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi BH.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Semalam dituduh cederakan anak kekasih, hari ini didakwa amang seksual mangsa sama

Oleh Alias Abd Rani - September 23, 2025 @ 3:00pm



Kenneth Ong dihadap ke Mahkamah Mejistret Muar kerana melakukan amang seksual anak kekasihnya. NSTP/Alias Abd Rani

MUAR: Seorang duda yang baru semalam dituduh mencederakan anak kekasih di Mahkamah Sesyen Batu Pahat, sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama.

Bagaimanapun, tertuduh, Kenneth Ong Peng Quan, 42, yang juga peniaga mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan jurubahasa di hadapan Majistret Fatin Dalilah Khalid.

Mengikut pertuduhan, bapa tiga anak itu didakwa melakukan perbuatan berkenaan terhadap anak perempuan kekasihnya berusia enam tahun di sebuah rumah di Batu Pahat, antara Februari hingga September tahun ini.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan kes diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi dan tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah tidak menawarkan ikat jamin terhadap tertuduh dan menetapkan 15 Oktober ini untuk sebutan di Mahkamah Sesyen serta serahan dokumen dan lantikan peguam.

Sementara itu, di mahkamah sama, seorang pembantu pam minyak mengaku tidak bersalah merogol kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun, Selasa lalu.

Tertuduh, Che Muhammad Nor Faizal Che Salim, 24, didakwa merogol mangsa di sebuah hotel di Batu Pahat, pada jam 3.30 petang, 16 September lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan dan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun serta sebatan.

Mahkamah membenarkan tertuduh yang diwakili peguam, Hareshh Tamil Selvan diikat jamin RM6,000 dengan kes disebut semula pada 23 Oktober ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru praktikal didakwa amang seksual kanak-kanak di bilik asrama



Oleh NOR SHAFAWATI YUP 23 September 2025, 1:49 pm

SEREMBAN: Seorang guru praktikal didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak lelaki berusia 13 tahun 10 bulan di bilik asrama sebuah sekolah di Sikamat di sini, pada Julai lalu.

Tertuduh, Wan Mohamad Aliff Wan Mohd. Sofian, 26, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim N. Kanageswari.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah melakukan amang seksual fizikal bagi maksud seksual dengan cara menyentuh kemaluan hadapan mangsa.

Kesalahan itu dilakukan lebih kurang 7.30 pagi di dalam bilik asrama sebuah sekolah di Sikamat di sini, pada 26 Julai lalu.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga disebat.

Pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Norazidah Asmuni menawarkan jaminan RM20,000 berserta syarat tambahan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jaminan yang paling minima kerana baharu bekerja dan akan dijamin oleh bapanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM12,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan sekali sebulan, tidak mengganggu saksi dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen dan lantikan peguam pada 23 Oktober depan. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengawal keselamatan didakwa cabul anak tiri

Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Seremban: Pengawal keselamatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya yang berusia lapan tahun, tujuh tahun lalu.

Tertuduh yang berusia 35 tahun membuat pengakuan itu di hadapan Hakim N Kanageswari selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun (ketika kejadian) bagi tujuan seksual.

Perbuatan itu dilakukan antara jam 10 malam hingga jam 6 pagi di sebuah rumah di Kampung Jijan Tengah, Nilai pada penghujung Disember 2018.

Oleh itu, tertuduh melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Timbalan Pendakwa Raya, Norazifah Asmuni memaklumkan kepada mahkamah supaya mengguna pakai jaminan sama terhadap tertuduh yang sebelum ini pernah dituduh atas pertuduhan sama terhadap mangsa lain.

Mahkamah kemudian bersetuju dengan membenarkan jaminan sebanyak RM12,000 sebelum ini diguna pakai selain mengekalkan tiga syarat tambahan iaitu melaporkan diri setiap bulan, dilarang mengganggu saksi pendakwaan dan menyerahkan pasport.

Sebutan semula bagi serahan dokumen dan lantikan peguam pada 23 Oktober ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mayat wanita ditemui dalam kenderaan terkunci di Setapak

🕒 23 September 2025, 3:37pm



KUALA LUMPUR: Mayat wanita ditemukan dalam sebuah pacuan empat roda berdekatan kawasan perniagaan Diamond Square, dekat Setapak di sini, hari ini.

Mayat ditemui kira-kira jam 12 tengah hari selepas pintu kenderaan itu yang terkunci dibuka dengan bantuan pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Asisten Komisioner Mohamad Lazim Ismail, mengesahkan menerima laporan kejadian itu.

"Polis mengesahkan menerima laporan berhubung penemuan mayat dalam sebuah kereta di kawasan berdekatan Diamond Square, Setapak.

"Identiti belum dikenal pasti dan masih dalam siasatan polis," katanya ringkas kepada pemberita.

Mayat dihantar ke Unit Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk bedah siasat.